

SIARAN MEDIA

KPKT MENYOKONG PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI MADANI MELALUI PROGRAM SEMARAK IHYA' RAMADAN KPKT 2023

PUTRAJAYA, 13 April 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Program Semarak Ihya' Ramadan KPKT 2023 bertempat di perkarangan bangunan KPKT pada hari ini. Hampir 700 orang warga KPKT, jabatan dan agensi serta pengamal media turut diraikan dalam majlis tersebut.

Terdahulu, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri dalam Program Kasih Ramadan KPKT 2023 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Program yang dianjurkan oleh KPKT melalui Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan penerapan nilai-nilai murni MADANI sempena bulan Ramadan. Dalam majlis tersebut, seramai 200 orang penerima terdiri daripada warga KPKT telah menerima sumbangan berbentuk wang tunai dan bakul rahmah Aidilfitri daripada KESKEP, YB Menteri KPKT dan YB Timbalan Menteri KPKT.

YB KM berkata, "KPKT sentiasa prihatin bagi memastikan kebajikan warga Kementerian diberi keutamaan. Justeru, sumbangan ini diharap mampu mengurangkan sedikit bebanan warga KPKT dalam membuat persiapan menjelang Aidilfitri pada tahun ini. Saya juga menyeru agar amalan berlebih-lebihan dalam penyediaan berbuka puasa serta pembaziran makanan perlu dielakkan agar ia tidak berakhir di tapak pelupusan."

Program Ihya' Ramadan ini turut dihadiri oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KPKT.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my